



MUSAFIR HAJI 1434H (SIRI II)

Noor 'Aina Abdul Razak

Aku menghitung hari. Dua hari sebelum tarikh, kami bertolak Sungai Petani. Mak dan abah di kampung sudah bersiap sedia dengan kenduri doa selamat untuk kami. Alhamdulillah. Secara tidak langsung ini juga menjadi asbab buat suami dalam keharusan meninggalkan solat Jumaat (hari bertolak) kerana bermusafir awal.

(Sebelum meninggalkan rumah jangan lupa azankan di empat penjuru rumah.)

Diiikuti waktu sepatutnya mendaftar di Kompleks TH Bayan Lepas adalah 8.30am, Jumaat, 27 September 2013 (21 Zulkaedah 1434). Penerbangan pula dijadualkan pada jam 12.30 tengahari. Sepatutnya sehari sebelum tarikh kami perlu ke kompleks TH untuk bermalam di sana dengan penginapan yang telah disediakan oleh pihak TH. Namun begitu, penerbangan kami ditunda ke jam 3.30 petang dan waktu mendaftar ialah sebelum 11.30 pagi. Makanya, kami bertolak pagi Jumaat, dari Sungai. Petani. Dua kereta sudah cukup. Satu Ayen membawa anak-anak kami, dan satu lagi Abang Dee membawa kami bersama beg-beg yang ada.

Sebelum masuk tol Sungai Petani selatan, teringat buku doa yang dibekalkan oleh pihak TH. Masyaallah. Aku tertinggal buku itu selepas solat sunat musafir tadi. Perjalanan tertunda sebentar sementara Ayen berpatah balik untuk mendapatkannya. Dugaan sungguh. Setibanya di atas jambatan, trafik agak perlahan. Pihak TH sudah beberapa kali menelefon bertanyakan keadaan kami. Jadi atau tidak pergi haji? Berada di mana sekarang? Aku sudah mula berdebar. Silap kami. Seeloknya bermalam saja di Kompleks TH.

Alhamdulillah. Tiba di Kompleks TH, masa masih ada. Kaum keluarga yang menghantar para jemaah sudah berkurang. Tidak sampai 30 minit

tiba di kompleks nama dah dipanggil masuk! Rupa-rupanya kami jemaah terakhir. Jemaah yang lain datang bermalam kerana mendapat surat untuk datang awal (kecuali yang tinggal berdekatan Kompleks TH). Mungkin semasa kami di Sungai Petani, surat itu tiba di rumah. Namun, aku bersyukur. Dalam 30 minit yang singkat itu, aku tidak sempat untuk menangis (hahaha) meninggalkan si kecil Emad. Cukup sekadar ucap selamat, dan peluk cium sedikit. Emad pun tidak sempat nak meraung tengok ibu abah masuk ke dalam. Begitu juga ketiga-tiga kakaknya. Alhamdulillah. sungguh mudah melepaskan anak-anak dalam jagaanNya dan keluarga.

Kakak dan Angah di asrama Maktab Mahmud. Pandai-pandailah menjaga diri dan balik cuti. Kakak menduduki PMR semasa aku di sana. Alang pula bertukar sekolah di Sungai Petani. Dekat dengan tok dan tokwan, ada sepupu sekelas. Emad, berusia dua tahun ketika ini. Siang hari di taska Mama Bib, malamnya di rumah Ummi Pah, jiran-jiran aku. Hujung minggu, bersama adikku di Sungai Petani. Itulah mereka selama 44 hari ditinggalkan nanti. **(Selesaikan urusan penempatan anak-anak secepat mungkin sebelum para jemaah ke Tanah Suci.)**

Berbalik kepada panggilan masuk mendaftar tadi. Beg untuk kargo siap ditimbang, diletakkan tag dan dihantar ke lapangan terbang. Para jemaah hanya perlu membawa 'hand luggage' Maybank dan beg galas BSN. Beg BSN ini bagaikan nyawa jemaah. Di situlah telefon, pasport, tiket, buku kesihatan, ubat (jika ada) dan buku doa berada.

Selepas taklimat dan doa, sekitar 10.30am, kami jemaah KT50, menaiki 6 bas yang telah sedia menunggu. Hujan turun agak lebat pada masa tu.

Terasa seperti VVIP pula apabila perjalanan ke lapangan terbang diiringi oleh polis. Seronok rasa bila sepanjang perjalanan kami, penduduk-penduduk berhampiran jalan keluar melambai-lambai bas kami. Mereka seperti turut meraikan dan mendoakan kami.



Para jemaah tidak perlu melalui pemeriksaan macam imigresen kerana semuanya telah diselesaikan di Kompleks TH lagi. Timbang dan daftar beg, ambil pas masuk, dan cap pasport telah selesai. Sampai di sini terus masuk ke ruang menunggu. Laluan masuk pun boleh dikatakan ikut pintu belakang. Sementara menunggu penerbangan jam 3.30pm, para Jemaah menunaikan solat jamak taqdim di sini. Tikartikar solat telah disediakan pihak TH. Debaran semakin kuat terasa apabila tiba masa untuk masuk ke perut kapal. Tempat duduk 19F, di kerusi tengah! Bismillah. Semoga penerbangan ini dalam rahmat dan peliharaan Allah sehingga tiba ke destinasi. 279 jemaah menyahut panggilan talbiyah.

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ
وَ النِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لِأَشْرِيكَ أَك

Penerbangan selama 7 hingga 8 jam akhirnya selamat tiba di Jeddah. Penat, memang penat. Di dalam kapal dengan kaki tidak bergerak banyak, mahu ke hulu ke hilir pun penerbangan melewati malam. Mata masih mata Malaysia, mengantuk

bila tiba waktunya. Selepas penerbangan yang agak lama, pastinya tumpuan utama adalah tandas. Sama ada hendak menunaikan hajat atau untuk berwuduk. Sudah masuk Isyak kah? Ada empat tandas dengan beratus jemaah. Aku cuba bersabar. Di luar sana pasti ada tandas yang lebih selesa.

Selepas reda di ruang menunggu pertama, jemaah akan dibawa keluar untuk pemeriksaan pasport. Kemudian, diberikan pelekat pada pasport, dan nombor bas untuk ke Makkah. Memang terasa seperti diraikan. Selesai pemeriksaan, terus ke ruang menunggu untuk menaiki bas.



Ada ruang untuk jemaah Malaysia. Di sini boleh berwuduk dan solat dengan selesa. 30 minit masa yang ada boleh meregangkan urat-urat yang tersimpul tadi sementara menunggu giliran menaiki bas.

Panggilan naik bas dibuat berdasarkan pelekat yang dapat semasa di Bayan Lepas. Pelekat yang sudah ditampal pada tag nama dan beg sandang. Tak perlu berebut sebab semua akan dapat duduk. Pasport jemaah diambil pihak muassasah semasa naik bas. Ia akan dipulangkan semasa hendak balik Malaysia. Naik bas, jemaah diberi makanan malam.. Dah hilang mood nak makan. Masa ni dah 8.50pm waktu Jeddah, 1.50am waktu Malaysia. Yang mamai, mengantuk, teruja semuanya ada.

Perjalanan dua jam ke Mekah menambah letih kerana bas berhenti dua hingga tiga kali.

Perhentian bas yang ditetapkan untuk para jemaah seluruh dunia. Di sini, setiap jemaah diberi kotak berisi makanan lagi. Air, biskut, kurma, buah dan lain-lain lagi. Murah rezeki mereka dan kami juga, Alhamdulillah. Jadi bertambahlah barang-barang sebelum tiba hotel.

Akhirnya, para jemaah pun memulakan perjalanan menaiki bas ke hotel. Walaupun kurang selesa, ia tidak mampu menggugat keterujaan pertama kali menjejakkan kaki ke sini. Perjalanan dua jam terasa macam mimpi bila nampak jam besar Mekah tersergam indah di tengah malam. Dah di Mekah dah ke? Betul kah itu jam yang diperkatakan orang ramai? Aku rasa tiada siapa *in the mood* mengambil gambar di tengah malam selepas perjalanan yang jauh.

Tiba di hotel, jemaah diberi bilik masing-masing. Ada bertiga, berempat, hinggalah yang 8-10 orang sebilik, mengikut keluasan bilik. Bilik aku? Kami berenam sebilik (suami pulak berlima). Seorang teman aku dah kenal masa di atas kapal, duduk sebelah aku (Kak Has). Seorang lagi kenal di Jeddah tadi (Kak Milah). Yang lain, Kak Leha, Kak Aziah dan Min (paling muda berusia 37 tahun). Abraj Janadriyah 15 tingkat, dan kami di tingkat 11.

Jam dah 12 tengah malam. Sempat berkenalan sikit sahaja. Masing-masing dah berat mata. Jom kita beradu sekejap. Esok jam 4 pagi kena berkumpul di bawah untuk menunaikan umrah yang pertama. Umrah selamat tiba di Mekah. Jumpa esok pagi ya di level G.

22 Zulkaedah 1434H bersamaan 28 September 2013. Jam 4 pagi, Jemaah KT50 perlu berkumpul di lobi hotel. Sempat melelapkan mata sejam dua sahaja, namun sedikit pun tidak mengantuk. Setiap KT yang baru tiba untuk tawaf Qudum atau umrah wajib akan diberi tag oren. Penanda jemaah baru tiba. Selesai ibadah ini, tag oren dikembalikan utk kegunaan KT seterusnya.

Tawaf Qudum? Tawaf ini adalah sunat untuk yang akan mengerjakan Haji Qiran dan Haji Ifrad. Ia adalah tawaf selamat datang sebagai

menghormati kunjungan kita ke Baitullah. Selepas tawaf (jika dibuat) boleh terus saie haji jika mahu. Jika tidak, boleh saie selepas tawaf ifadah (tawaf haji) nanti. Tiada masalah. Yang penting faham bagaimana mengerjakannya. Umrah wajib pula untuk jemaah yang akan mengerjakan Haji Tamattuk (pilihan ramai). Niat bagi umrah atau haji kita telah lakukan di atas kapal lagi bagi yang turun terus ke Jeddah.

Tawaf pertama aku setakat dua pusingan saja di dataran kaabah. Aku dah mula rimas, serabut sebab lihatlah foto ihsan Kak Leha ni. Padat! Mampat!



Solusinya, aku ajak suami naik lingkaran yang baru dibina. Alhamdulillah lebih selesa. Bila selesai tawaf, keluar dari lingkaran orang ramai dah disekat. Yang boleh masuk hanya yang berkerusi roda! Ya Allah.. rezeki aku dan suami.. itulah pertama dan terakhir kali aku masuk lingkaran. Hujung tahun tersebut, lingkaran ini telah dibuang.





Hunain gate, ke kanannya Ismail gate. Allahuakbar.. aku ingat sangat-sangat pintu ni. Puncanya, bila dah penuh ruang solat di dalam, maka polis berselubung hitam ni akan halau/suruh kita keluar ke tempat lain. Maka berasak-asak lah jemaah kat luar. Akhirnya aku tersadai depan Hunain gate (lepas tu dah tau selok belok dalam masjid... Alhamdulillah). Kawasan dataran luar tidak dikira masjid, tapi di situlah aku bersolat untuk sekali tu saja bersebelahan *Indonesian* dan *Indian* yang datang menyelit.. sabar..sabar... Untungnya di situ, Alhamdulillah aku dapat melihat jenazah-jenazah dibawa masuk melalui laluan ini, Hunain dan masuk ke dalam masjid melalui Ismail gate.

Jadi, bagi jemaah-jemaah yang mahu melihat secara jelas jenazah-jenazah, beradalah di dalam masjid berhampiran dua-dua pintu ini. Inshaallah, kelibat imam Masjidilharam pun dapat dilihat dengan jelas. K.Aziah roommate aku betul-betul ikut petua aku, maka berpeluanglah dia melihat jenazah dari dekat dan wajah salah seorang imam, Masyaallah.

Sudah hari ketiga. Aku nak telefon ke Malaysia. Semalam telefon mak guna yang dapat percuma Celcom. Cakap seminit dah SR5..ada dalam SR10. Sekejap sangat. Sempat beritahu dah sampai Mekah. Hari ni ramai betul turun bawah cari telefon. Ada i-talk yang disediakan oleh pihak TM. Alhamdulillah. Aku sampai boleh hafal nombor kod pada kertas hijau bila nak telefon mak.



1 min = RM1. Ok la tu. Yang biru tu Mobily Saudi. Berguna utk sms (dalam 25 sen SR kut) dan telefon semasa di Makkah dan Madinah. Kad bawah tu semua orang dapat setibanya di hotel. Kad tu membantu untuk mereka yang sesat dan perlu dihantar pulang ke penginapan. Sekarang ini sudah mudah. Ada WhatsApp, Telegram, fb, video call dan macam-macam lagi. Tak perlu dah semua kad yang ada. TM pun sudah tak perlu berada di sana rasanya.

So, nak buat apa lepas ni? Jom ke Haram... jarak lebih kurang 700m. Awal-awalnya terasa juga jauh. Sudah masuk beberapa hari sudah makin selesa. Laluan yang dulunya penuh dengan bangunan dan hotel sudah tiada. Menjadi dataran untuk bas-bas membawa jemaah Pakistan, Bangladesh, Turki dan lain-lain parkir di situ. Petang Hari tersebut aku dan suami ke Tana'im utk berniat umrah di miqat terdekat. 5 km dari hotel. Cadangnya untuk berumrah sunat, Inshaallah.

Masjid Aisyah di Tana'im adalah tempat di mana kita berniat umrah. Hadapan masjid berada di Tanah Haram. Masjid dan ke belakang di Tanah Halal. Ada yang tak turun kenderaan bila berniat. Tidak salah. Masalahnya jika kita niat di Tanah Haram..

kena dam kalau tak salah aku.. Jadi berhati-hati di sini. Jangan main ikut orang saja. Nak selamat, masuk dalam masjid dan niat. Boleh solat sunat sekali.

Eh, umrah sunat aku? Tawaf dah selesai. Esok la saie. Aku dah penat. Kaki aku dah sakit. Boleh ke camtu? Boleh! Cuma sunat jika berturut-turut antara tawaf dan saie. Jom balik rehat dan tidur dulu. Esok sambung saie.



Ini foto kegemaran aku. Semua nampak hijau. Laluan lampu hijau sunat berlari-lari anak bagi lelaki sahaja.... ingat..lelaki sahaja. Bagi jemaah wanita yang uzur, jangan ingat kita tidak boleh ke sana. Boleh sangat kerana ia bukan kawasan masjid. Bukit Safa dan Marwah adalah salah satu tempat mustajab berdoa. Ambillah peluang ini. Kita akan lebih terasa syahdu dan khusyuk di sini. Jika boleh bersolat dan iktikaf, masuk ke dalam masjid. Hanya beberapa langkah sahaja.

Sedih sekali bila aku tengok ada jemaah-jemaah Malaysia yang masih solat di antara Safa dan Marwah walaupun sudah ditekan berkali-kali oleh ustaz ustazah. Bukan hanya yang tua, yang muda-muda pun ada. Aku pernah bertanya pada seorang jemaah (bertiga) kenapa tidak masuk masjid yang hanya 10 m di depan. Katanya dia baru lepas saie... isk.isk..isk... Malah, ada yang lepas solat di masjid datang ke Safa utk membaca

Quran. Kenapa tidak di dalam sebab boleh niat iktikaf sekali? Sayangkan jika peluang yang ada disia-siakan begitu saja.


Aku kerap ke Safa semasa uzur. Selain berzikir/berdoa, aku suka perhatikan gelagat manusia kat sini. Macam-macam kisah ada di sini. Mana yang baik kita boleh ambil iktibar. Salah satunya, semasa aku berlegar-legar di situ sambil menunggu suami, sekumpulan jemaah terkial-kial hendak menggunting rambut. Sambil meraba-raba di dalam beg aku, aku berkata di dalam hati. Rasa macam nak pinjamkan gunting aku. Dalam berniat sahaja, salah seorang daripada mereka menunjukkan isyarat gunting pada aku. Macam tahu-tahu saja aku ada gunting. Alhamdulillah. Selesai masalah mereka.

Di satu waktu Maghrib, aku mengajak teman sebilik untuk satu misi mencuba nasib. Menuju ke Haram ketika masuk waktu solat. Mahu melihat apa akan terjadi. Selalu kita di dalam sejam dua sebelum azan.



Jemaah memang ramai. Di luar. Mereka memilih berada di luar walau ada yang datang sudah awal. Kenapa? Wallahualam. Sedangkan di dalam aku yakin masih ada ruang kosong. Kami mencuba nasib untuk masuk ke Safa. Ditolak-tolak hingga ke muka pintu. Walau kami sudah jeling-jeling, pujuk-pujuk penjaga pintu, walau di belakangnya jelas ada kosong, jawapannya tetap, "Hajjah. Hajjah. La. La." Tak boleh masuk juga. Memang

sengaja mencari pasal ini hajjah, hahaha. Ok lah. Jom cari jalan pulang. Tiada lorong boleh dilalui. Terpaksa menunggu habis solat berhampiran tangga tandas. Pemuda ini bersolat di atas tembok, betul-betul dihujung tembok. Di mana juga jika ada ruang akan ada saja jemaah bersolat atau membaca Quran.



Ada ketika di satu pagi, aku hanya menemani suami ke Haram untuk solat subuh dan tawaf sunat. Duduk-duduk sambil berzikir berdoa di Safa. Sekali terdengar ada bayi menangis. Ada keluarga dari India (rasanya) di Safa. Bersama mereka ada bayi berusia sekitar 3-5 bulan. Ketika si ibu solat, diletakkan bayinya yang berkain ihram kecil saja ke lantai. Lantai Safa di Tingkat 1 memang sejuk. Bayi menangis sejuk atau lapar atau mengantuk? Kuat tangisan sehingga boleh mengganggu jemaah lain solat. Aku teragak-agak. Akhirnya aku ribakan si bayi dan memujuknya dengan cawan plastik air zam-zam. Diam akhirnya. Selesai si ibu bersolat, bayi kuletakkan semula. Khalas!

Setelah lebih seminggu di sana, para Jemaah dibawa ziarah tanah suci Makkah. Maka berbondong-bondong lah kami menaiki bas yang disediakan pihak TH. Destinasi pertama ke jabal Thur, diikuti ke Jabal Rahmah. Seterusnya bas menuju ke Muzdalifah dan Mina serta Jabal Nur. Destinasi terakhir utk ziarah Makkah hari ini ialah Ja'ranah yang sejauh 24 km dari Masjidil Haram. Di masjid Ja'ranah ini merupakan salah satu tempat miqat umrah yang tinggi darjatnya.



Di sini banyak peniaga jalanan mencari rezeki di celah-celah jemaah yang ada. Sedang aku berkira-kira membeli kacang di sini, tiba-tiba peniaga-peniaga ni bertempieran. Rupa-rupanya penguatkusa membuat rondaan. Tidak dibenarkan berniaga di kawasan tersebut. Peniaga kacang terus menutup payung, masuk ke lori dan cabut dari situ. Eh! Bangku duduk dia tinggal macam tu saja. Takut punya pasal. Itu kalau aku tak sempat membayar bagaimana? Memang tak sempat bayar sebab tak sempat nak beli pun, dia dah cabut!

Keesokan hari kami mengikuti program ziarah luar pula - Hudaibiyah. SR10 seorang sebab agak jauh berbanding ziarah Makkah semalam. Tiket ni buat syarat ja. Bukan dia minta pun. Empat buah bas untuk ziarah hari ini. *Booking* kena awal sebab tempat terhad. Ziarah luar ini dijalankan mengikut maktab masing-masing. Kena rajin tengok papan kenyataan. Kalau terlepas, insyaallah boleh selit-selit dengan maktab lain. Selepas selesai haji pun masih diadakan ziarah ini.

Destinasi pertama hari ini ke ladang unta. Macamana yang dikatakan ladang unta? Aku ingat macam ladang lembu kambing di sini, luas. Ada tempat khas bagi makan. Sama kah dengan unta? Ketika hampir ke ladang boleh dilihat nun di kaki-kaki bukit penempatan kaum Badwi. Dikatakan kerajaan telah menyediakan penempatan mereka di kawasan bandar. Tetapi mereka memilih untuk terus berada di sini. Maka

hiduplah mereka di khemah-khemah di tengah panas gurun. Kawan aku yang bekerja di sana bercerita, “Orang Badwi ni kalau jumpa perempuan, nahas. Diculik dan 'dikerjakan' perempuan itu nanti.” Jadi, bagus juga katanya bila perempuan tidak dibenarkan memandu di sana. BAHAYA. Nak kenal, mereka ini biasanya memandu kereta *pickup*. Itu kata kawan aku, bukan aku kata sebab aku tak tinggal di sana.

Balik ke cerita unta tadi. Rupa-rupanya yang dikatakan ladang itu hanyalah kelompok-kelompok unta bersama tuan masing-masing. Jarak sesama mereka dekat-dekat saja. Setiap kelompok unta berada di dalam pagar dawai yang agak aku paling kurang 5m x 5m. Tidak sebesar mana. Di situlah unta makan, minum dan tidur. Unta-unta di sini berbonggol satu. Yang berbonggol dua kata mutawwif kami datangnya dari negara lain. Kalau nak pegang silakan. Boleh saja. Bau memang ada, macam lembu dan kambing juga. Mana boleh wangi.

Cerita mutawwif:

1. Unta ni haiwan pemalu. Kalau unta jantan dan betina hendak mating/bersama, ia tidak berlaku di siang hari depan-depan orang. Malu weh. Bukan macam sesetengah manusia tak tahu malu.
2. Bila unta dibawa berjalan jauh.. biasanya apabila unta berhenti itu menandakan masuknya waktu solat. Subhanallah. Itulah hikmahnya zaman dahulu unta adalah kenderaan utama untuk bergerak. Tak percaya? Cuba pi sewa unta dari zoo.Hehehe.

Sebotol air mineral 500ml tu harga susu untuk sekitar SR2. Aku tak minum. Nak rasa pun aku tak mau. Sebabnya, bila diperah (tangan tidak dicuci semasa dan selepas memerah) terus masuk baldi. Terus ditapis masuk botol mineral. Aku tengok susu unta yang ditapis akan ada lebihan macam buih. Aku raya loya, hehehe. Ada saja yang membeli dan minum di situ termasuk En.Suami. 30 minit sahaja masa diberi di sini sebelum ke destinasi seterusnya.

Perjalanan hari ini keluar agak jauh dari kota Makkah. Kami menuju ke Hudaibiyah, kira-kira 24 km dari Makkah. Sepanjang perjalanan di kiri kanan tentunya gurun padang pasir yang panas dan kering. Kata suami, "Macam kat Arizona ja." Betul, betul, betul. Memang macam kat Arizona. Tanah kering tandus panas gurun (di beberapa bahagian) yang menjadi saksi pertemuan aku dan suami hingga sekarang, hahaha.

Hudaibiyah merupakan salah satu daripada tiga miqat untuk niat haji dan umrah yang hampir dengan Makkah selain Tana'im dan Jaranah. Jadi, memang ada jemaah yang sudah siap membawa kain untuk berihram di sini. Aku? Perempuan tiada masalah, berihram dengan pakaian yang tersarung di badan pada ketika itu asalkan menutup aurat sepenuhnya.

Ziarah hari ini berakhir di muzium - Exhibition of Two Holy Mosque Architecture. Muzium ini terpacak di tepi jalan mengadap banjaran gunung. Di sini, peraturannya sangat ketat. Ada tiket dan giliran masuk. Giliran jemaah bas aku 11.00am. Masa untuk melawat di dalam setiap kumpulan hanya 15 min sahaja. Selesai melawat, aku ada bertanya, kenapa kita tidak ke kilang kelambu Kaabah? Kata mutawwif, sudah 3 tahun kilang ditutup untuk orang awam. Sebabnya, salah orang awam juga. Bila diberi peluang, ada yang gatal tangan gatal mulut.

1. Mereka meminta-minta sedikit kain atau benang untuk dibuat kenangan.
2. Kedatangan pelawat mengganggu tugas para pekerja kerana ada yang nak bergambar, bertanya dan lain-lain lagi. Makanya, kita sudah tidak berpeluang untuk melawat.

Akhir sekali, semasa nak keluar dari muzium, setiap tetamu akan diberi hadiah. Kotak berisi kurma dan air zamzam. Selesai ziarah kami. Menghitung hari untuk berwuquf pula.

-NAAR-

